

87 peserta jayakan Program 'Fun@Laboratory' UMS

UB 10.10.2022 P.08

Oleh Yap Siong Han

KOTA KINABALU: Seramai 87 peserta dari lima sekolah menengah di negeri ini menyertai Program 'Fun@Laboratory' anjuran Institut Penyelidikan Bioteknologi (IPB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan U-Science UMS.

Program berkenaan dirasmikan oleh Pengarah IPB Prof Dr Lee Ping Chin yang diadakan di Makmal IPB di sini, baru-baru ini. Hadir sama, penyelaras program Dr Khairul Azfar Kamaruzaman.

Para peserta terdiri daripada

pelajar dan guru pengiring dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Agama Kota Kinabalu, SMK Datuk Peter Mojuntin Penampang, SMK Bahang, SMK Bongawan, dan Sekolah Menengah Sains Sabah.

Pengajianan program itu antara lain bertujuan meningkatkan minat pelajar dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) khususnya dalam bidang bioteknologi.

Pada masa sama, ia mendedahkan para pelajar dengan peralatan makmal yang moden dan canggih di makmal IPB

selain sebagai satu usaha pembudayaan kepakaran bioteknologi IPB kepada masyarakat dan komuniti di Sabah.

Pelbagai pengisian diadakan sepanjang program itu antaranya teknik mengenal pasti jantina dan cara mengendalikan mikrotikus; sel tumbuhan dan haiwan di bawah mikroskop; Kombucha fermentation dan aplikasi metagenomik dalam kehidupan seharian.

La turut dijayakan bersama seluruh warga IPB yang terdiri daripada pensyarah, kakitangan sokongan dan pentadbiran serta pelajar pascasiswazah.



KENANGAN: Para peserta yang terdiri daripada kalangan pelajar dan guru mengambil gambar kenang-kenangan.*